

UUM ONLINE: Kehebatan dan kekuatan sesebuah negara bukan bergantung kepada kedudukan geografi mahupun sumber semula jadi yang mampu meningkatkan ekonomi, tetapi melalui pemerintahan yang baik oleh kepemimpinan dalam sesebuah negara.

Menurut Naib Canselor Universiti Utara Malaysia (UUM), Prof Datuk Dr Mohamed Mustafa Ishak, selain pemerintahan yang baik, polisi pemerintahan, dasar serta rakyat dalam sesebuah negara juga memainkan peranan yang penting dalam melahirkan sebuah negara yang hebat dan dihormati oleh negara lain.

"Kita dapat lihat contoh di Libya yang merupakan antara negara yang kaya dengan hasil minyak, walau bagaimanapun, pemerintahan yang gagal oleh Muammar Gaddafi menyebabkan negara itu bergolak dan menyebabkan kuasa asing mengambil kesempatan itu untuk campur tangan demi menguasai hasil bumi Libya," katanya sewaktu memberikan ceramah kepada mahasiswa negeri Kedah dari pelbagai universiti di Program Bina Negara Bangsa siri kedua di Kompleks Pusat Islam, UUM, semalam

Dr Mustafa Ishak juga berkata, kegagalan sesebuah pemerintahan dalam menyalurkan kewangan negara pada cara yang betul serta berhemah juga akan memusnahkan negara itu sendiri.

"Terdapat banyak pelarian dari seperti Pakistan di negara ini, dimana rakyatnya perlu berhijrah atas desakan hidup dan ekonomi tidak menentu di negara mereka.

"Ini berlaku apabila, kerajaan mereka memperuntukkan kewangan yang tinggi untuk membangunkan teknologi nuklear atas faktor pertahanan kerana negara jiran mereka, India mempunyai teknologi berkenaan sehingga mengabaikan kebajikan rakyat mereka sendiri," katanya.

Selain itu, beliau juga berbangga dengan pemerintahan yang baik sejak merdeka di negara ini sehingga Malaysia dikenali dan dihormati di mata dunia.

"Kebijaksanaan yang dimiliki Tun Dr Mahathir dalam mengurus kewangan negara dengan menumpukan pendidikan seperti menghantar generasi ketika itu ke luar negara untuk belajar membuahkan hasil yang cukup hebat.

"Pengaruh-pengaruh, pengurus-pengurus syarikat besar serta pemimpin masyarakat yang ada di dalam Malaysia serta di luar negara sekarang adalah hasil oleh ilham pemerintah yang hebat," tambahnya lagi.

Beliau juga berkata, hasil seperti inilah menyebabkan pertumbuhan ekonomi Malaysia sentiasa meningkat dan berkemungkinan besar negara akan menjadi negara Islam pertama maju di dunia menjelang tahun 2020.

Pada masa yang sama, beliau juga menggalakan para mahasiswa menjelajah setiap pelosok dunia dalam menimba pengalaman untuk memperolehi ilmu pengetahuan dari pelbagai negara lain sebagai rujukan dalam membangunkan bangsa dan negara.

=====
DARIPADA:
SEKSYEN MEDIA
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
TEL.: 04-928 3007/3014/3066/4078
FAKS: 04-928 3016
E-MEL: ukkuum@uum.edu.my